



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545
Faks :603-88895542
E-mail :ismailmerican@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA
DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA
Bagi Minggu 7/2011 (13 hingga 19 Februari 2011)

Pada minggu ketujuh tahun 2011 iaitu bagi tempoh 13 hingga 19 Februari 2011, sejumlah 420 kes Demam Denggi telah dilaporkan di seluruh negara, meningkat sebanyak 29 kes atau 7% berbanding 391 kes pada minggu sebelumnya. Terdapat tujuh buah negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu lepas iaitu Terengganu yang meningkat sebanyak 12 kes (75%), Johor 12 kes (24%), WP Kuala Lumpur/Putrajaya 11 kes (39%), Sabah 9 kes (150%), Sarawak 8 kes (47%), Melaka 7 kes (117%) dan Kelantan meningkat sebanyak 1 kes (6%) (Lampiran A).

Jumlah terkumpul kes sehingga 19 Februari 2011 adalah 3,282, penurunan sebanyak 55% atau 3,946 kes berbanding dengan 7,228 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama tahun 2010. Kes kematian akibat Denggi juga menurun sebanyak 76% atau 19 kematian, di mana terdapat 6 kematian bagi tahun 2011 berbanding 25 dalam tempoh yang sama pada tahun 2010.

Sepanjang minggu lepas, terdapat 96 lokaliti wabak di 24 daerah di seluruh negara. Dari jumlah tersebut, terdapat 5 lokaliti *hot spots* adalah di Gombak, Selangor dan 2 dari lokaliti ini iaitu Kg. Baru Sg. Terentang

dan Taman Tun Teja Apartment Rawang telah mengalami wabak Denggi melebihi 2 bulan, malah Kg. Baru Sg. Terentang masih lagi tidak bersih dan mempunyai kadar pembiakan Aedes yang tinggi. Manakala di WP Kuala Lumpur terdapat satu lokaliti *hot spots* yang telah mengalami wabak Denggi melebihi 2 bulan iaitu Taman Miharja (Fasa 1).

Aktiviti pencegahan dan kawalan Denggi perlu sentiasa diberi perhatian dari masa ke semasa oleh semua masyarakat kerana penyakit Demam Denggi ini dibawa oleh nyamuk yang begitu berkesan dalam menyebarkan virus Denggi. Nyamuk dewasa yang mempunyai virus Denggi boleh memindahkan virus Denggi melalui telurnya (*transovarial transmission*) sehingga lima generasi yang seterusnya. Telur nyamuk yang mempunyai virus Denggi apabila menjadi nyamuk dewasa, ianya boleh menyebarkan virus ini kepada manusia. Oleh itu adalah penting memastikan tiada pembiakan Aedes di persekitaran rumah serta bersih dari bekas yang boleh menakung air atau menjadi tempat pembiakan. Aktiviti membersihkan dan membuang tempat pembiakan ini perlu dilakukan setiap minggu agar penularan jangkitan Denggi dapat dihalang.

Bagi Penyakit Chikungunya, terdapat 3 kes dilaporkan untuk tempoh 13 hingga 19 Februari 2011, iaitu masing-masing di Melaka, Sarawak dan Sabah. Jumlah terkumpul kes Chikungunya ialah 6 kes, penurunan sebanyak 99% berbanding dengan 388 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama pada tahun 2010 (Lampiran B).

TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD ISMAIL MERICAN

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

21 Februari 2011

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 7/2011
(13 hingga 19 Februari 2011)**

| Bil. | Negeri | Bilangan Kes dan Kematian di laporkan | | Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 7/2011 | Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 7/2010 |
|------|------------------|---------------------------------------|------------------------------------|--|--|
| | | Minggu 7 (13 – 19 Februari 2011) | Minggu 6 (6 – 12 Februari 2011) | | |
| 1 | Perlis | 1 | 2 | 19 | 23 |
| 2 | Kedah | 9 | 13 | 90 | 65 (1) |
| 3 | P. Pinang | 32 | 33 | 265 | 181 (2) |
| 4 | Perak | 16 | 31 | 207 | 183 |
| 5 | Selangor | 136 | 137 | 1,140 (1) | 3,281 (14) |
| 6 | WPKL & Putrajaya | 39 | 28 | 221 | 644 (1) |
| 7 | N. Sembilan | 10 | 11 | 86 | 410 |
| 8 | Melaka | 13 | 6 | 80 | 67 (1) |
| 9 | Johor | 62 | 50 (1) | 351 (3) | 433 |
| 10 | Pahang | 17 | 25 | 185 (1) | 176 (1) |
| 11 | Terengganu | 28 | 16 | 176 (1) | 161 |
| 12 | Kelantan | 17 | 16 | 142 | 125 |
| 13 | Sarawak | 25 | 17 | 218 | 1,104 (4) |
| 14 | Sabah | 15 | 6 | 98 | 368 (1) |
| 15 | WP Labuan | 0 | 0 | 4 | 7 |
| | MALAYSIA | 420 | 391 (1) | 3,282 (6) | 7,228 (25) |

Nota: () Kematian

**KES CHIKUNGUNYA DILAPORKAN PADA MINGGU 7/2011
(13 hingga 19 Februari 2011)**

| Bil | Negeri | Bilangan Kes | | Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 7/2011 | Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 7/2010 |
|-----|------------------|--|--|---|---|
| | | Minggu 7 (13 – 19 Februari 2011) | Minggu 6 (6 – 12 Februari 2011) | | |
| 1 | Perlis | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 2 | Kedah | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 3 | P. Pinang | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 4 | Perak | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 5 | Selangor | 0 | 0 | 0 | 9 |
| 6 | WPKL & Putrajaya | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 7 | N. Sembilan | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 8 | Melaka | 1 | 0 | 1 | 0 |
| 9 | Johor | 0 | 0 | 0 | 1 |
| 10 | Pahang | 0 | 0 | 0 | 1 |
| 11 | Terengganu | 0 | 0 | 0 | 1 |
| 12 | Kelantan | 0 | 0 | 0 | 2 |
| 13 | Sarawak | 1 | 0 | 1 | 373 |
| 14 | Sabah | 1 | 0 | 4 | 4 |
| 15 | WP Labuan | 0 | 0 | 0 | 3 |
| | MALAYSIA | 3 | 0 | 6 | 394 |

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* DILAPORKAN SEHINGGA MINGGU 7
BAGI TAHUN 2011**

| Bil | Negeri | Daerah/Zon/ PBT | Lokaliti | Jumlah Kes | Tempoh Wabak Berlaku (Hari) |
|------------|---------------|----------------------------|------------------------------------|-----------------------|--|
| 1 | SELANGOR | MPS (GB) | Kg Baru Sg Terentang | 31 | 80 |
| 2 | SELANGOR | MPS (GB) | Taman Tun Teja Apartment Rawang | 20 | 68 |
| 3 | SELANGOR | MPS (GB) | Taman Muhibbah Rawang | 7 | 44 |
| 4 | SELANGOR | Gombak | Selayang Baru K4 | 18 | 37 |
| 5 | SELANGOR | MPAJ (GB) | Taman Ukay Perdana (Zon 2) | 16 | 35 |
| 6 | WPKL | Cheras | Taman Miharja (Fasa 1) | 17 | 74 |
| 7 | JOHOR | MBJB | Taman Gembira | 4 | 31 |

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* YANG MASIH MEMPUNYAI KADAR PEMBIAKAN
NYAMUK AEDES YANG TINGGI PADA MINGGU 7
BAGI TAHUN 2011
(13 hingga 19 Februari 2011)**

| Bil | Negeri | Daerah/Zon/ PBT | Lokaliti | Peratus rumah positif daripada jumlah rumah diperiksa (%) | Jum. bekas positif daripada 100 rumah diperiksa |
|------------|---------------|----------------------------|----------------------|--|--|
| 1 | SELANGOR | MPS (GB) | Kg Baru Sg Terentang | 3.1 | 3 |